

**JOHOR**  
NATIONAL PARKS



**PERBADANAN TAMAN NEGARA JOHOR**  
**IKLAN JAWATAN KOSONG**

Rujukan Fail: TNJ 500-1/2/1 Jld.3 (25)

1. (a) Skim Perkhidmatan : **PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29**  
(b) Klasifikasi Perkhidmatan : **PERTANIAN (G)**  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : **PELAKSANA**  
**(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
- Jenis Kontrak : **CONTRACT OF SERVICE**  
Tempoh : **SATU TAHUN**  
Kekosongan Jawatan : **2 KEKOSONGAN**

**Jadual Gaji**

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
<b>RM 1,494.00</b>	<b>RM 5,674.00</b>	<b>RM 145.00</b>

**Syarat Lantikan:**

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - warganegara Malaysia;
  - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (i) Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,494.00); atau  
(ii) Diploma dalam bidang perhutanan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G29: RM1,847.86); atau
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan:**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan adalah tertakluk kepada syarat-syarat Perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **Fungsi Bidang Tugas**

Bertanggungjawab dalam membantu merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan pemeliharaan dan perlindungan terhadap alam semulajadi termasuk hidupan liar serta habitatnya melalui program CEPA, konservasi dan eko-pelancongan selain melaksanakan tugas berkaitan skop penguatkuasaan serta perhutanan supaya sejajar dengan peraturan-peraturan dan dasar-dasar kerajaan serta menerima arahan daripada semasa ke semasa Ketua Jabatan dalam menjalankan tugas.

## **2. Lain-lain Kelayakan Khas**

- i. Pemohon boleh diarahkan bertugas di mana-mana dalam apa jua keadaan seperti bertugas dan menetap dalam persekitaran hutan serta berjauhan dengan keluarga terdekat;
- ii. Umur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Boleh melihat dengan jelas tanpa cermin mata atau kanta lekap dan tidak rabun warna;
- iv. Tahap pendengaran yang baik tanpa alat bantuan pendengaran;
- v. Pemohon mestilah bebas dari sebarang kes jenayah/ dadah juvana;
- vi. Taraf kesihatan- sihat, tidak cacat anggota badan, tidak pernah mengalami kecederaan serius seperti patah tulang/ sakit jantung, tidak menghidap penyakit lelah, tidak mempunyai penyakit kronik dan penyakit keturunan serta tidak merokok termasuk rokok elektronik.

## **3. Cara Memohon**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR atau melalui pautan disediakan pada Iklan Jawatan Kosong.
- (b) Semua maklumat yang diisi dalam borang hendaklah ditulis menggunakan pen biru atau hitam dan tulisan tangan pemohon dengan jelas dan terang dengan HURUF BESAR (*pengesahan tulisan tangan akan dibuat semasa sesi temuduga*).
- (c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport terkini, salinan kad pengenalan, salinan sijil kelahiran, sijil-sijil keputusan peperiksaan dan tamat persekolahan yang telah diakui sah salinannya (*Pegawai yang layak membuat pengesahan Salinan dokumen adalah daripada Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred41, Kumpulan A dan ke atas dan lain-lain seperti Penggawa/Penghulu/Ketua Kampung/Wakil Rakyat/Senator/Ketua Masyarakat*).
- (d) Bagi permohonan jawatan kosong Gred 29 dan ke atas perlu menyediakan *video resume* yang berdurasi tidak melebihi daripada 3 minit yang menggunakan suara pemohon sebenar dengan rakaman menampakkan penampilan diri daripada kepala hingga ke paras lutut dan berpakaian pejabat atau formal. *Video resume* tersebut hendaklah dihantar melalui e-mel [jnpc@johor.gov.my](mailto:jnpc@johor.gov.my) dan ianya perlu merangkumi sebahagian besar perkara-perkara berikut:
  - i. Ringkasan latar belakang keluarga pemohon;
  - ii. Ringkasan latar belakang pendidikan pemohon;

- iii. Ringkasan pengalaman kerja pemohon;
  - iv. Pekerjaan/aktiviti terakhir atau semasa pemohon;
  - v. Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon;
  - vi. Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon;
  - vii. Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau NGO;
  - viii. Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon;
  - ix. Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon; dan
  - x. Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon;
- (e) Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 17 Bab A – Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 bersama Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini serta salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terakhir.
- (f) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar atau dimajukan (*Waktu Pejabat sekiranya melalui serahan tangan*) ke alamat seperti berikut:

**Pengarah  
Perbadanan Taman Negara Johor  
Aras 1, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang  
Kota Iskandar  
79575 Iskandar Puteri  
JOHOR DARUL TA'ZIM**

- (g) Sila tuliskan **nama jawatan** (huruf besar) yang dipohon di **sudut kiri sebelah atas sampul surat** dengan jelas dan terang.

#### **4. Permohonan berikut akan DITOLAK, sekiranya**

- (a) Tidak menggunakan borang permohonan yang telah disediakan;
- (b) Tidak disertakan dengan dokumen yang diakui sah serta salinan *video resume*;
- (c) Tidak lengkap atau tidak terang;
- (d) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan dalam iklan;
- (e) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat;
- (f) Tidak menandatangani borang permohonan jawatan kosong; dan
- (g) Tidak mematuhi prosedur permohonan yang dinyatakan pada iklan & borang Jawatan Kosong.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 7 MEI 2023 (AHAD)**  
**MASA : 2.30 PETANG**